



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

# POLISI PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

KPT sentiasa berusaha menerapkan serta memperkukuhkan nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan profesionalisme dalam semua urusan rasmi. Selaras dengan usaha dan komitmen tersebut, KPT adalah tertakluk kepada perkara seperti berikut:

- i. Warga KPT atau mana-mana pihak yang mewakilinya tidak boleh menerima atau memberi hadiah jika penerimaan atau pemberian hadiah itu mempunyai kaitan secara langsung atau tidak langsung dengan tugas rasminya;
- ii. Ketua Jabatan boleh membenarkan seseorang warga KPT menerima surat pujian daripada mana-mana pihak sempena persaraan atau pertukarannya dengan syarat bahawa surat pujian itu tidak terkandung dalam suatu bekas yang bernilai;
- iii. Ketua Jabatan boleh membenarkan pungutan sumbangan oleh pegawai-pegawai di bawahnya sempena persaraan, pertukaran, perkahwinan atau sempena apa-apa peristiwa lain yang sesuai;
- iv. Dalam keadaan sukar untuk menolak penerimaan hadiah yang berkaitan dengan tugas rasmi, warga KPT boleh menerima hadiah tersebut namun perlu mengemukakan laporan bertulis kepada Ketua Jabatan berhubung anggaran nilai hadiah dan hal keadaan hadiah itu diterima;
- v. Ketua Jabatan hendaklah memutuskan sama ada untuk membenarkan warga KPT itu menyimpan hadiah itu atau mengarahkan supaya hadiah itu dikembalikan kepada pemberinya melalui Ketua Jabatan; dan
- vi. Warga KPT boleh memberi atau menerima apa-apa jenis keraian kepada atau daripada mana-mana orang jika keraian itu tidak dengan apa-apa cara mempengaruhi pelaksanaan tugas rasminya sebagai seorang pegawai awam bagi kepentingan orang itu dan pemberian atau penerimaan keraian itu tidak dalam apa-apa cara tak konsisten dengan tatakelakuan yang ditetapkan di bawah subperaturan (4), P.U. (A) 395/1993.

.....  
(Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang)

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi